



TAWARAN UNTUK MENGIKUTI PROGRAM SIJIL VETERINAR MALAYSIA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA SESI 2025-2027



Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia untuk mengikuti Kursus Sijil Veterinar Malaysia (SVM) di Institut Veterinar Malaysia, Kluang Johor. Pengajian ini akan bermula pada Julai 2025 sehingga 2027 dan mengambil masa selama 2 tahun.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

- (i) Warganegara Malaysia berumur di antara 18 hingga 30 tahun pada masa mendaftar kursus.
- (ii) Mempunyai SPM/Sijil Vokasional Malaysia (Agroindustri Ternakan Ruminan/ Agroindustri Poltri)
 - Sekurang-kurangnya Gred C dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan salah satu matapelajaran Sains
 - Sekurang-kurangnya Gred D dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dan Matematikdan
- (iii) Mendapat sekurang-kurangnya kepujian (Gred C/6C) dalam satu mata pelajaran berikut:
 - Sains;
 - Biologi;
 - Kimia;
 - Sains Pertanian;
 - Sains Tambahan;
 - Pengurusan Ternakan Ruminan;
 - Pengurusan Ladang Ternakan Ruminan;
 - Pengurusan Makanan Ternakan;
 - Kesihatan Ternakan;
 - Pembiakan Ternakan;
 - Pengurusan Pastura dan Folder; atau
 - Pengurusan Hasil Ternakan Ruminan;
 - Penyelenggaraan Perumahan Ternakan Poltri
 - Pengawalan Makhluk Perosak dan Pembersihan Reban
 - Nyahkuman Reban dan Rawatan Air Minuman
 - Penyediaan Tempat Perindukan
 - Pengendalian Kemasukan Poltri Umur Sehari
 - Pengurusan Poltri Peringkat Didik
 - Pengurusan Poltri Peringkat Pembesaran
 - Pengendalian Pengeluaran Telur Sajian
 - Pengendalian Telur Tetasan
 - Operasi Pengeluaran Poltri Umur Sehari
 - Sanitasi dan Penyeliaan Operasi Penetasan
 - Pengendalian Operasi Biosekuriti Ladang Poltri
 - Pengurusan Sisa Buangan Ladang Poltri

atau

- (iv) Mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (Bidang Ternakan Ruminan/Bidang Ternakan Poltri) dengan CGPA sekurang-kurangnya 3.0/Terampil-Terampil Cemerlang.
- (v) Belum berkahwin (kecuali untuk pegawai kerajaan);
- (vi) Sihat tubuh badan dan melepasi ujian pemeriksaan kesihatan.

SYARAT-SYARAT KHAS BAGI KAKITANGAN KERAJAAN:

- (i) Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa mendaftar masuk;
- (ii) Pembantu Veterinar Gred G19 dan telah disahkan jawatan;
- (iii) Mendapat pelepasan daripada Ketua Jabatan;
- (iv) Mencapai tahap Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% bagi tiga tahun terkini;
- (v) Peratus gaji bersih di dalam penyata gaji tidak kurang daripada 70%.

TEMPAT LATIHAN DAN KEMUDAHAN

- (i) Kursus ini dijalankan di Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor.
- (ii) Tempat penginapan dan makanan disediakan.
- (iii) Elaun bulanan sebanyak RM 200.00 akan diberikan (kecuali bagi Kakitangan Kerajaan yang memohon).

Untuk keterangan lanjut sila e-mel kami di spl@dvs.gov.my atau di talian
03- 8870 2000/2185/2186/2192

CARA PERMOHONAN

Pengambilan akan diiklankan di Portal Rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar www.dvs.gov.my setiap tahun. Kepada yang berminat boleh memohon secara atas talian di portal UP_TVET di <https://mohon.tvet.gov.my/> bagi lepasan sijil SPM/SPMV(Agroindustri Ternakan Ruminan/ Agroindustri Poltri)/SKM Ruminan Tahap 3/SKM Poltri Tahap 3.

Manakala bagi Kakitangan Kerajaan, permohonan hendaklah dibuat secara bertulis dengan memuat turun borang permohonan di pautan <https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/363> dan melalui kebenaran Ketua Jabatan dan dikemukakan kepada :

Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan,
Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Aras 2, Wisma Tani
Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 Putrajaya